

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian Online

TARIKH : Selasa, 5 April 2016

TELUS & TULUS
Sinar
ONLINE

SITI NOOR SEPEE
5 April 2016

Sasar 5,000 sertai LMM tahun ini



Penolong Pengarah Kanan, Perpustakaan Negara Malaysia, Yazid Ibrahim memberi tunjuk ajar bagi Program LMM bersama pelajar SMK Engku Tun Aminah.

JOHOR BAHRU - Perpustakaan Negara Malaysia mewujudkan program Literasi Maklumat dan Media (LMM) yang bermula sejak 2011 bertujuan mendidik masyarakat lebih analitikal ketika mengakses maklumat di internet.

Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Maizan Ismail berkata, sejak diperkenalkan, lebih 20,000 peserta telah mengikuti program berkenaan.

Menurutnya, sehingga Mac 2016, sebanyak 170 sesi literasi maklumat dan media telah diadakan dengan lebih 500 institusi serta organisasi telah mendapat manfaat membabitkan hampir 11,700 peserta seluruh negara.

%ita bercadang memperluaskan program LMM kepada penjawat awam kerana sebelum ini ia melibatkan pelajar. Tahun ini, kita turut mensasarkan lebih 5,000 peserta akan mengikuti program LMM.

%emahiran literasi maklumat dan media dipelajari akan jadi asas kepada proses pembesaran generasi baharu dengan amal konsep pembelajaran sepanjang hayat.

%Dengan mengaplikasikan literasi maklumat, pengguna tidak akan sewenang-wenangnya membuat viral sesuatu maklumat diperoleh tanpa menilai kesahihannya terlebih dahulu,+katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran Kem Membaca 1Malaysia 2016 Peringkat Kebangsaan yang disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan), Datuk Seri Khairil Awang di Sekolah Menengah kebangsaan (SMK) Sultanah Engku Tun Aminah, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Pembangunan Teknologi Kementerian Pendidikan, Teoh Boon Hai; Ketua Penolong Pengarah Kementerian Pendidikan, Dr Qhamariah Samu dan Pengarah Pendidikan negeri, Aminudin Adam.

Maizan berkata, pelaksanaan program seumpama itu diharap membawa impak positif, bukan sahaja dari segi memudahkan tugas seharian tetapi juga sebagai melengkapkan diri menjadi modal insan berkualiti.